

**Obama calonkan Jones sebagai duta baru ke M'sia**  
**Malaysiakini.com**  
**July 02, 2010**

Presiden Barack Obama hari ini mengumumkan hasratnya untuk mencalonkan Paul W Jones sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak ke Malaysia.

Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dalam kenyataan hari ini, berkata pencalonan Jones ketika ini masih menunggu pengesahan Senat negara itu.

Sebagai ahli kanan Perkhidmatan Luar Negara, beliau adalah Timbalan kepada Wakil Khas dan Timbalan Pembantu Setiausaha Negara bagi Afghanistan dan Pakistan.

Sebelum ini, Jones berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Perwakilan dan Kuasa Usaha Amerika Syarikat di Filipina.

Tugas yang digalasnya termasuk memegang jawatan Timbalan Ketua Perwakilan Amerika Syarikat ke Pertubuhan Keselamatan dan Kerjasama di Eropah dan Timbalan Ketua Perwakilan di Macedonia.

Beliau pernah berkhidmat di luar negara termasuk Colombia dan Russia.

Di Washington, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Sekretariat Staf Eksekutif dan Pengarah Pejabat Biro Eropah di wilayah Balkan.

Jones adalah lulusan Universiti Cornell dan menerima ijazah sarjana daripada Universiti Virginia dan Kolej Naval War.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/136277>